مَنَاقِبَ

سَيِّدِنَا الإِمَامِ أَحْمَدِ بْنِ إِدْرِيسَ

رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ وَأَرْضَاهُمْ

MANAQIB

SAIYIDINA AS-SYEIKH
AS-SYARIF AL-HASANI
AHMAD BIN IDRIS

MANAQIB

SAIYIDINA AS-SYEIKH AS-SYARIF AL-HASANI AHMAD BIN IDRIS

رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم

Petikan dari kitab Jāmi' Karāmat Al-Awliyā'
oleh Al-Quthb Saiyidina As-Syeikh Yusuf
An-Nabhāni رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم

Penyelenggara teks :
Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani Al-Mālīzi

Alih bahasa :
Ust. Rahmat Muhamad As-Syazili

Diterbitkan oleh :
Zawiyah Sydna Abul Hasan As-Syazili
Lot 177, Jalan Balai Panjang, Kg. Durian Daun,
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus
Malaysia
+60 18-662 7025

Penyelenggara teks :
Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani Al-Mālīzi

Alih bahasa & hakcipta terjemahan :
© Ust. Rahmat Muhamad As-Syazili,
Wakil Tareqat As-Syaziliyyah Negeri Sembilan

Terbitan pertama :
Zulhijjah 1447H /Jun 2026M

Majālis Ar-Rahmatul Muhdāh
https://t.me/+ABsgA4KYIXplZWRI

بسم الله الرحمن الرحيم

Dalam kitabnya *Jāmi‘ Karāmāt Al-Awliyā’*, Al-Quthb Sidna Yusuf An-Nabhāni رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم berkata :

Sidna Syeikh As-Syarif Al-Hasani Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم merupakan salah seorang daripada tokoh tunggal kalangan awliya’ *`ārifīn* yang masyhur, yang muncul pada kurun ketiga belas Hijrah dan pendiri Thorīqoh Al-Idrisiyyah yang terkenal itu.

Antara sebesar-besar karamah beliau -yang tidak dikurniai melainkan kepada para individu pilihan yang istimewa- ialah pertemuannya dengan Sidnan Nabi ﷺ secara *yaqazhoh* (keadaan sedar) serta penerimaannya secara langsung daripada Baginda secara *musyāfahah* (dari mulut ke mulut) beberapa wirid, rangkaian hizib dan jambangan selawatnya yang masyhur. Alhamdulillah, segala wirid dan amalan tersebut telah aku mengajikan kesemuanya kepada khalifah bagi khalifah beliau, iaitu Sidi As-Syeikh Ismail An-Nawwab yang bermukim di Makkah dan wafat di sana ; kesemua amalan itu telah aku baca kepada beliau

dalam satu majlis saat beliau datang ke Beirut, jika tak salah ingatanku sekitar tahun 1309 Hijrah. Tiga tahun sebelum itu aku pernah bertemu dengannya di kota Al-Quds yang mulia saat beliau datang menziarahinya. Kemudian dari situ beliau telah keluar dengan memakai ihram untuk menunaikan umrah menuju ke Baitullah Al-Haram sebagai melakukan sabda Baginda Nabi ﷺ :

مَن أَهَّلَ بِحَجَّةٍ أَو عُمرَةٍ مِنَ المَسجِدِ الأَقصَى إِلَى المَسجِدِ الحَرَامِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ

"Barangsiapa yang memulakan ihram haji atau umrah dari Masjidil Aqsa menuju Masjidil Haram, diampunkan baginya dosa-dosanya yang telah lalu dan yang akan datang".

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dari Saiyidatina Ummu Salamah رَضِيَ اللهُ عَنهَا وَأَرضَاهَا.

Maka saat pertemuanku dengannya di sana, beliau telah men-*talqin*-kan kepadaku Thorīqoh Al-Idrisiyyah Ar-Rashidiyyah serta mengijazahiku dengannya berserta segala wirid, hizib dan selawatnya. Beliau telah mengambil thorīqoh dan wirid zikir ini daripada Sidi Ibrahim Ar-Rasyid yang wafat di Makkah pada tahun 1291 Hijrah, yang mengambilnya daripada

Sidi Ahmad Bin Idris yang wafat di Sabya pada tahun 1253 Hijrah رَضِيَ اللهُ عَنهُم أَجمَعِينَ.

Syeikh Ismail An-Nawwab telah menuliskan satu biografi khusus mengenai Sidi Ahmad Bin Idris pada bahagian tepi lembaran kitab himpunan hizib beliau. Demi mengambil keberkatan dan agar bertambah faedah aku nukilkan di sini biografi tersebut dengan lafaznya sebagaimana asal seperti berikut :

Menuntut Ilmu di Kota Fes

Syeikh Ismail An-Nawwab رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى berkata :

بِسمِ اللهِ الرَّحمٰنِ الرَّحِيمِ ❊ الحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِينَ ❊ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ المُرسَلِينَ ❊ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ أَجمَعِينَ ❊ فِي كُلِّ لَمحَةٍ وَنَفَسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلمُ اللهِ آمِين ❊

"Dengan nama ALLAH yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi ALLAH Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan kami Saiyidina Muhammad ; penghulu sekalian rasul, juga ke atas keluarga dan para sahabat Baginda seluruhnya ; pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, sebanyak bilangan segala yang diliputi oleh ilmu ALLAH. Amin".

Inilah sedikit ringkasan mengenai pengenalan tuan empunya hizib-hizib yang mulia ini. Beliau adalah junjungan lagi penghulu kita, kebanggaan kita, tempat kita berlindung, sandaran dan simpanan harapan kita ; As-Saiyid Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Beliau termasuk dalam keluarga besar Saiyid Idris yang termasyhur di bumi Maghribi. Beliau seorang syarif titihan Saiyidina Al-Hasan Bin Ali Ibnu Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ وَرَضِيَ عَنهُ.

Sejak dari awal usianya beliau menumpukan perhatian selama bertahun-tahun untuk menuntut pelbagai ilmu zahir sehingga mencapai ketokohan dalam bidang tersebut di kota Fes. Para mahagurunya yang bijaksana telah memberi keizinan kepadanya untuk mengajar, lalu beliau pun mengajar di sana selama tempoh masa yang dikehendaki ALLAH. Antara mereka yang kadangkala hadir dalam majlis ilmunya adalah gurunya sendiri iaitu Sidi Abdul Wahhab At-Tāzi رَضِيَ اللهُ عَنه sebelum dirinya mengambil jalan rohani daripadanya. Sehingga pernah Sidi Abdul Wahhab berkata kepada Sidi Ahmad -setelah beliau menyerahkan diri sepenuhnya kepada bimbingan Sidi Abdul Wahhab dan sempurna beradabnya dengan hadir di hadapannya- : "Ke mana perginya suara gemuruh itu wahai Ahmad?", yang dimaksudkannya ialah gemuruh majlis pengajian.

Berguru Dengan Syeikh Murobbi

Adapun kisah pertemuan Sidi Ahmad dengan syeikhnya Sidi Abdul Wahhab At-Tāzi رَضِيَ اللهُ عَنهُما dan bergurunya dia kepada beliau, maka adalah Sidi Ahmad pada mulanya menuntut ilmu kepada seorang guru yang sangat alim lagi *tahqīq* (amat teliti) dari kalangan ulama Shinqīt (Mauritania) yang terkenal dengan panggilan Al-`Allamah Al-Majidiri. Gurunya ini dari semasa ke semasa datang ke kota Fes.

Semasa itu Sidi Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُ menetap di Fes, beliau sering mengaji kepada Al-Majidiri beberapa kitab hadis dan ilmu agama. Tatkala gurunya ingin pulang ke Shinqīt, masih berbaki beberapa kitab yang telah dimulakan dan belum khatam. Maka berkatalah Sidi Ahmad : "Wahai tuanku, sekiranya tuan mengizinkan hamba bermusafir mengikutmu, nescaya dapat hamba menyempurnakan kitab-kitab itu".

Lalu Syeikh Al-Majidiri menjawab : "Sabarlah sehingga aku meminta izin daripada syeikh-ku untukmu".

Sidi Ahmad pun berkata : "Adakah tuan mempunyai syeikh?".

Beliau menjawab : “Ya, beliau adalah Sidi Abdul Wahhab At-Tāzi رَضِيَ اللهُ عَنهُ”.

Maka berasa hairanlah Sidi Ahmad mendengar bahawa Sidi Abdul Wahhab itu syeikh bagi gurunya Al-Majidiri yang sangat alim kerana beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ itu tidaklah disebut-sebut orang dan kebanyakan masyarakat tidak tahu kedudukannya. Kebanyakan mereka melihat beliau sekadar seorang alim yang soleh dan mereka memuliakannya kerana umurnya yang telah sepuh. Beliau sememangnya lanjut usia hingga mencapai sekitar 130 tahun.

Tak lama kemudian Al-Majidiri berkata : “Sesungguhnya syeikh tidak mengizinkan aku akan hal itu. Beliau berkata kepadaku : “Bawalah dia kepadaku, agar aku menghimpunkannya dengan Saiyidina RasuluLLAH ﷺ”. Maka bertambah takjublah Sidi Ahmad mendengarkan itu. Dia kemudian pergi bersama gurunya Al-Majidiri menemui Sidi Syeikh Abdul Wahhab dan mengambil jalan thorīqoh darinya. Sidi Ahmad pun menumpu perhatian sepenuhnya kepada beliau, melaziminya dan menyerahkan diri seluruhnya kepada bimbingan beliau.

Tak berapa lama sesudah itu syeikh berkata berkata kepada muridnya : "Aku merasakan bahawa gurumu Al-Majidiri sudah kembali ke rahmat ALLAH Taala".

Sidi Ahmad bertanya : "Bagaimanakah tuan mengetahui hal itu?".

Jawab Sidi Abdul Wahab : "Sesungguhnya seorang syeikh murabbi itu punya waktu-waktu tertentu yang dikhususkannya untuk ber-*tawajjuh* (memberi tumpuan rohani) kepada roh para muridnya. Selama mereka masih hidup dia tidak mendapati mereka kekal dalam satu keadaan yang sama ; kadangkala dilihatnya mereka lebih bercahaya, kadangkala lebih kelam - berdasarkan perjalanan *sulūk* dan ketaatan mereka- ; kadangkala lebih dekat kepada ALLAH dan kadangkala lebih jauh. Adapun sejak beberapa hari ini aku melihat gurumu itu kekal dalam satu keadaan yang sama seperti ketika aku meninggalkannya, tetap pada kedudukan yang aku kenali dahulu".

Al-`Allamah Al-Majidiri inilah yang telah Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ mengambil darinya Hizb As-Saifi melalui riwayatnya daripada Al-Qafā'ī quthb bangsa jin, daripada Sayyidina Ali كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ. Tatkala rombongan kafilah tiba dari Shinqit pada waktu itu,

mereka pun mengkhabarkan kewafatan Al-`Allamah Al-Majidiri رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى. Maka benarlah sebagaimana yang telah disebutkan oleh Sidi Abdul Wahhab itu.

Antara Murid Dengan Syeikhnya

Pernah Sidi Abdul Wahhab At-Tāzi membawa Sidi Ahmad Bin Idris ke makam gurunya, iaitu Sidi Abdul Aziz Ad-Dabbāgh yang tersebut *manāqib* (biografi)nya dalam kitab *Az-Dzahab Al-Ibrīz* karya Sidi Ahmad Ibn Al-Mubārak. Ketika berziarah itu Sidi Abdul Wahhab berkata kepadanya : "Inilah syeikh-ku dan ayah susuku".

Kemudian beliau membaca dua bait syair ini :

لَقَد نَبَتَت فِي القَلبِ مِنكُم مَحَبَّةٌ
كَمَا نَبَتَت فِي الرَّاحَتَينِ الأَصَابِعُ

Di hati ini telah tumbuh cinta kepadamu tuan
bagai jari-jemari yang tumbuh di tapak tangan

حَرَامٌ عَلَى قَلبِي مَحَبَّةُ غَيرِكُم
كَمَا حُرِّمَت يَومًا لِمُوسَى المَرَاضِعُ

Haramlah hatiku cinta selainmu tuan
sebagaimana dahulu Nabi Musa
diharamkan keatasnya ibu susuan

Kadangkala beliau bercerita tentang Sidi Abdul Aziz Ad-Dabbāgh رَضِيَ اللهُ عَنهُ lantas mengungkap syair :

تَعَشَّقتُكُم طِفلًا وَلَم أَدرِ مَا الهَوَى
فَشَابَ عِذَارِي وَالهَوَى فِيكُم طِفلُ

Sejak masih anak kecil yang belum tahu cinta
aku telah mencintaimu,
sehingga tumbuh uban di pelipisku
dan cintaku padamu masih tetap muda remaja.

Kadangkala beliau sengaja menguji murid-muridnya dengan berkata : "Teringinlah kami jika ada seseorang membawakan kepada kami buah sekian dari negeri sekian", maka sebahagian murid ada yang berkata : "Umur Tok Guru sudah tua nian hingga dia berkata seperti itu". Tetapi Sidi Ahmad akan bersiap dan menyediakan bekal untuk musafir bagi tujuan itu. Apabia dia mencium tangan gurunya untuk meminta izin pergi dan berkata : "Wahai tuanku, sesungguhnya hamba akan berangkat bagi tujuan itu", Sidi Abdul Wahhab pun membisikkan ke telinganya : "Wahai Ahmad, bahawa segala urusan kami ini bersungguh-sungguh belaka ; siapa yang bersungguh-sungguh, nescaya akan diberikan kesungguhan kepadanya".

Siapakah Syeikh Murobbi

Antara kata-kata Sidi Abdul Wahhab kepada beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُما : "Tujuanku adalah agar engkau mengenalinya wahai Ahmad, sekalipun dia datang kepadamu dalam rupa sekian-sekian". Yang dimaksudkannya ialah syeikh murobbi.

Diantara kata beliau lagi apabila beliau ditanya siapakah syeikh murobbi : "Adakah dia seorang yang ALLAH perlihatkan kepadanya segala rahsia hati makhlukNYA?"

Beliau menjawab : "Tidak".

Lalu ditanyakan lagi : "Adakah dia seorang yang ALLAH kasyafkan baginya segala yang ada dari arasy hingga ke hamparan bumi?".

Beliau menjawab : "Tidak".

Lalu ditanyakan lagi : "Maka siapakah dia wahai tuanku?"

Beliau pun menjawabnya dengan firman ALLAH Taala:

﴿لَا يَمۡلِكُونَ ٱلشَّفَٰعَةَ إِلَّا مَنِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحۡمَٰنِ عَهۡدٗا﴾

"Mereka tiada memiliki dan tidak dapat memberi syafaat, kecuali orang yang telah mengikat perjanjian (dengan iman dan amal soleh) di sisi Tuhan yang Maha Rahman".

Kemudian beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ terus mendampingi Sidi Abdul Wahhab selama beberapa tahun sehingga gurunya itu wafat. Maka *istikharah* (memohon petunjuk)lah dia kepada ALLAH untuk *ṣuhbah* (berguru berdamping) dengan salah seorang masyaikh. Sebenarnya beliau amat ingin dan merindu-rindui untuk *ṣuhbah* dengan seorang saudara thorīqoh yang bernama Sidi Abdullah dari kalangan murid gurunya ; beliau ini seorang *`ārifīn* yang sempurna makrifat kepada ALLAH.

Diantara karamah Sidi Abdullah رَضِيَ اللهُ عَنهُ ialah di satu masa bersama beberapa temannya beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ telah keluar dari negerinya untuk menyampaikan muzakarah kepada para ikhwān-nya di jalan ALLAH. Pada ketika itu seorang anak lelakinya meninggal dunia, maka berita itu disampaikan kepadanya. Beliau lantas mengirim pesan : "Janganlah kalian menguburinya sehingga aku tiba". Setelah tiga hari beliau pun kembali lalu berkata kepada anaknya : "Siapakah yang menyuruhmu mati? Bangunlah dengan

izin ALLAH Taala". Maka bangkitlah anak itu hidup kembali.

Namun Sidi Ahmad tidak diberi isyarat untuk *ṣuhbah* dengannya, sebaliknya Sidi Abdullah menyuruhnya agar ber-*ṣuhbah* dengan Sidi Abul Qāsim Al-Wazīr Al-Ghāzi. Maka berpindahlah dia daripada At-Tāzi kepada Al-Ghāzi رَضِيَ اللهُ عَنهُم أَجمَعِينَ.

Sidi Abul Qāsim Al-Wazīr Al-Ghāzi ini termasuk dalam kalangan wali *afrād*. Tatkala Sidi Ahmad Bin Idris datang kepada beliau berdasarkan isyarat yang diterimanya, Sidi Abul Qāsim berkata kepadanya : "Sesungguhnya syeikhku Sidi Ali Bin Abdullah telah meninggalkan suatu amanah untukmu ; ia berada dalam jagaanku. Beliau telah menggambarkan sifat-sifat dirimu kepadaku, hatta beliau memberitahuku bahawa pada kedatanganmu yang pertama engkau akan menetap di rumah yang di tanah perkuburan".

Adapun syeikh beliau Sidi Ali Bin Abdullah telah mengambil thorīqoh daripada syeikhnya Sidi Ahmad Bin Yunus, daripada Sidi Ahmad Zarruq, daripada Syeikh Uqbah Al-Hadhrami, daripada Sidi Yahya Al-Qādiri, daripada Sidi Ali Wafa, daripada ayahandanya Sidi Muhammad Wafa, daripada Sidi Daud Al-Bākholi,

daripada Sidi Ibnu `Athō'illah As-Sikandari رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنهُم أَجمَعِينَ.

Syeikh Ismail An-Nawwab berkata : "Guru kami pernah bertanya kepada syeikhnya Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُما soal sampainya amanah yang dititipkan itu dan bagaimana beliau menerima limpahan rohani daripada Sidi Abul Qāsim Al-Ghāzi. Maka beliau berkata : "Sesungguhnya amanah yang telah dititipkan oleh Sidi Ali telah sampai kepadaku sebelum aku sampai kepada Sidi Abul Qāsim. Adapun cara aku menerima limpahan daripadanya kebanyakannya berlaku melalui *tawajjuh* hati". Adalah Sidi Ahmad apabila hadir ke majlis syeikhnya ini akan duduk melakukan *murōqobah* di satu pangkin yang berhampiran majlis, dalam *murōqobah* itu dia mengajukan soalan yang mahu ditanya dengan hatinya kepada syeikh dan syeikh menjawabnya dengan hati.

Guru kami bertanya lagi : "Wahai tuanku, apakah bentuk soalan-soalan yang ditanyakan itu?". Jawab beliau : "Bentuk soalan daripada hadrat

كَانَ اللهُ وَلَا شَيءَ مَعَهُ

"ALLAH telah ada sejak dari tiada suatu apa pun yang bersamaNYA".

Maka Sidi Ahmad pun ber-*ṣuhbah* dengan Sidi Abul Qāsim dan terus melaziminya sehingga beliau kembali ke rahmat ALLAH Taala. Setelah itu Sidi Ahmad *tawajjuh* lagi kepada ALLAH Taala memohon agar diberikan isyarat untuk berdamping kepada syeikh yang murobbi sama ada di timur bumi mahupun di baratnya. Beliau pernah berkata :

> *"Diantara manfaat yang ku dapati daripada berkhidmat kepada para masyaikh adalah sifat loba (kepada kebaikan) yang amat besar dalam jiwaku. Pada mulanya aku menyangka bahawa diriku takkan pernah putus ṣuhbah dari seorang syeikh kepada yang lain sehinggalah dikatakan kepadaku daripada Hadrat Ilāhiyyah :*
>
> *Tidak ada lagi yang tinggal di atas muka bumi ini walau seorang pun yang engkau dapat mengambil manfaat daripadanya selain Al-Quran".*

Beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata :

> *"Maka duduklah aku selama beberapa tahun lamanya tanpa ada kesibukan diriku melainkan dengan Al-Quranul `Azhim. Kemudian Saiyidina Rasulullah ﷺ telah mempersaudarakan diriku dengan Al-Quran dan Baginda bersabda kepada*

Al-Quran : Berikanlah kepadanya segala ilmu dan rahsia yang ada padamu".

Maka Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ itu apabila ditanya suatu ayat daripada Al-Quranul `Azhim beliau akan menjawabnya dengan mendatangkan hakikat-hakikat maknanya yang mendalam berserta rahsia-rahsianya yang seni-seni yang mengagumkan akal, sehingga lemah segala pemikiran dan segala nukilan dari dapat mencapai kedalamannya.

Guru kami Sidi Ibrahim Ar-Rasyid رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنهُ menceritakan kepada kami lebih dari sekali bahawa beliau telah menghadiri enam majlis dalam masa tiga hari ; pada setiap hari dua majlis : satu majlis selepas solat asar hingga maghrib, dan satu lagi selepas solat subuh selama waktu yang dikehendaki ALLAH daripada siang hari. Pada majlis pertama selepas solat asar seorang hadirin bertanya kepada Syeikh tentang firman ALLAH Taala :

﴿وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى﴾

"Dan DIA yang menentukan kadar, lalu memberi petunjuk"

Maka dari soalan tadi Syeikh pun menghuraikan pelbagai ilmu dan *sirr* ayat itu hingga tunduklah segala

hati menerimanya dan gembiralah segala telinga mendengarnya, dan yakinlah para hadirin bahawa apa yang disampaikan oleh Syeikh adalah ilham yang segar baru terbit dari Tuhannya.

Kemudian pada subuh hari berikutnya, orang yang sama datang lagi dan mengulangi pertanyaan mengenai ayat tadi. Syeikh pun menyambung majlis tafsirnya dalam corak lain pula yang lebih indah, lebih mengagumkan, lebih tinggi dan lebih megah daripada yang sebelumnya. Kemudian yang bertanya hadir lagi pada majlis berikutnya lalu berkata : "Wahai tuanku :

﴿وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى﴾

Maka Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ masuk pula menafsirkan ayat ini dengan gaya yang lebih memberi kesan dan lebih meresap ke dalam hati, dengan corak yang ajaib berbeza daripada pendekatan yang sebelumnya. Orang yang bertanya itu terus bertanya ayat yang sama sehingga genap enam majlis dalam tempoh tiga hari. Setelah itu Syeikh رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنهُ berkata :

"Jikalau aku dipanjangkan umur dan tinggal sebagaimana Saiyidina Nuh عَلَيهِ السَّلَامُ tinggal bersama kaumnya, nescaya aku akan terus

berbicara tentang ayat suci ini pada setiap majlis - dengan syarat bahawa aku tidak mengulangi kepada kalian apa yang telah lalu- namun tetaplah belum habis dan belum selesai aku menyampaikan apa yang ALLAH kurniakan kepadaku. Dan jika kalian mahu, kita boleh keluar ke pesisir pantai dan berbicara tentang ayat yang lain pula".

Mahaguru Para Muliawan

Guru kami Sidi Ibrahim Ar-Rasyid رَضِيَ اللهُ عَنهُ bercerita :

"Aku sendiri tidaklah hadir dalam peristiwa itu, namun ia telah dikhabarkan kepadaku oleh mereka yang terpercaya dari warga Yaman bahawa Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ ketika berada di kota Zabid di Yaman telah berbicara di hadapan para ulama, mufti dan tokoh-tokoh kota ini selama dua belas hari. Beliau memenuhi seluruh waktunya dengan menghuraikan firman ALLAH Taala :

﴿إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَاشِعِينَ وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّائِمِينَ وَالصَّائِمَاتِ وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا﴾

"Sesungguhnya lelaki-lelaki Muslim dan perempuan-perempuan Muslimat, lelaki-lelaki Mukmin dan perempuan-perempuan Mukminat, lelaki-lelaki yang taat dan perempuan-perempuan yang taat, lelaki-lelaki yang tulus jujur dan perempuan-perempuan yang tulus jujur, lelaki-

lelaki yang sabar dan perempuan-perempuan yang sabar, lelaki-lelaki yang khusyuk dan perempuan-perempuan yang khusyuk, lelaki-lelaki yang bersedekah dan perempuan-perempuan yang bersedekah, lelaki-lelaki yang berpuasa dan perempuan-perempuan yang berpuasa, lelaki-lelaki yang memelihara kehormatan mereka dan perempuan-perempuan yang memelihara kehormatan mereka, lelaki-lelaki yang banyak zikir mengingati ALLAH dan perempuan-perempuan yang banyak zikir mengingati ALLAH ; ALLAH telah menyediakan bagi mereka keampunan dan pahala yang besar". - Surah Al-Ahzab : 35

Maka para hadirin telah menuliskan tafsiran, huraian dan penjelasan Syeikh mengenai ayat ini, lalu terkumpullah semuanya sebanyak tujuh puluh kuras (buku tulis). ALLAH dan Rasul-NYA jua yang lebih mengetahui.

Telah masyhur dan bahkan mencapai darjat mutawātir di dua Tanah Suci dan Yaman bahawa Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ apabila ditanya mengenai sesuatu mengenai Al-Quranul `Azhim, beliau akan memandang ke bahagian dalam telapak tangannya kemudian masuk menafsirkan ayat itu dengan pelbagai ilmu *ladunni* yang dikehendaki ALLAH. Dan apabila beliau ditanya mengenai hadis yang mulia, beliau akan memandang ke bahagian luar telapak tangannya lalu

menghuraikan pelbagai *sirr* Ilahi serta makrifat ilham yang mengagumkan akal hingga membuat para ahli ilmu logika dan ilmu tekstual menjadi terpinga-pinga. Maka tangan Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ itu bagaikan *lauh al-'ilmil maknūn* (khazanah ilmu yang tersimpan)".

Guru kami Sidi Ibrahim رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata : "Namun di akhir usianya Syeikh tidak lagi melakukan cara itu. Maka apabila beliau ditanya sesuatu mengenai tafsir atau hadis, beliau akan mentafsirkan dan meriwayatkan tanpa melihat lagi kepada tangannya atau selainnya".

Sebelum Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ berhijrah ke negeri-negeri Timur, telah ramai kalangan *fuqahā'*, ulama dan tokoh-tokoh utama yang ber-*ṣuhbah* dengan beliau di Maghribi. Di sana juga telah zahir melalui tangannya pelbagai karamah dan perkara-perkara mencarik adat yang terlalu banyak untuk diperincikan. Mereka mengetahui kelebihan beliau, istiqamahnya, serta kedudukannya dalam ilmu dan makrifat. Sehingga pernah berlaku di satu ketika, dibawakan kepadanya beberapa butir *ruthab* (kurma basah), lalu beliau memakannya dan berbaki beberapa butir daripadanya. Maka para murid pun bersaing untuk mendapatkan baki makanan Syeikh itu hingga

akhirnya mereka mengeluarkannya untuk dilelong dan masing-masing menawarkan harga. Nilainya terus meningkat hingga mencapai hampir seribu rial. Maka yang berjaya memenangi lelongan itu -sepertimana yang sampai khabarnya kepadaku- hingga menjual kitab-kitabnya sendiri demi melunaskan harga tersebut.

Syeikh kekal berada di Maghribi sehingga berlalu tempoh masa yang dikehendaki ALLAH, kemudian beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ keluar ke negeri-negeri Timur dengan menuju Makkah Al-Mukarramah. Beliau tiba di Mesir pada tahun 1213 Hijrah. Kemudian beliau tiba di Makkah Al-Musyarrafah dan menetap di sana sekitar tiga puluh tahun lamanya. Dalam tempoh itu beliau telah pergi ke wilayah Şo`ied di hulu Mesir sekali atau dua kali untuk menyampaikan muzakarah dan membimbing para ikhwān (saudara di jalan menuju ALLAH). Beliau juga berulang kali pergi ke Madinah Al-Munawwarah dan Taif.

Kemudian Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ diperintahkan untuk pergi ke bumi Yaman ; beliau menetap di Zabid selama suatu tempoh, di Maha dan beberapa tempat lain untuk beberapa ketika. Beliau kemudian menetap di Sabya, sebuah desa yang masyhur berhampiran Abu Arish. Beliau tinggal di sana kira-kira sembilan tahun, lalu

kembali ke rahmat ALLAH Taala dan keredhoan-NYA di sana dan sehingga kini masih ada zuriatnya yang soleh daripada keturunan beliau di sana.

Kesimpulannya, As-Syeikh Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ adalah seorang tokoh yang menghimpun antara ilmu zahir dan ilmu batin berserta keahlian yang amat mendalam pada kedua-duanya. Dalam ilmu Al-Quran dan hadis penguasaan beliau pada keduanya adalah sempurna dan kemasyhurannya merata sama ada dari sudut *riwāyah* (pengriwayatan) dan *dirāyah* (pemahaman) mahupun dari sudut *kasyaf* dan *tahqīq*. Baik golongan khusus mahupun umum sama-sama tunduk mengakui kelebihan beliau, dan ramai dari kalangan ulama besar mengambil faedah daripada beliau.

Antara mereka adalah al-`allamah al-fādhil al-akmal As-Saiyid Abd. Rahman Bin Sulaiman Al-Ahdal yang merupakan mufti kota Zabid. Beliau salah seorang tokoh ulama besar di zamannya. Di negerinya semua pihak sepakat mengakui kemuliaan dan tinggi kedudukannya dalam ilmu dan amal.

Antara mereka juga adalah al-muhaddith al-faqīh yang termasyhur dengan kelebihannya, ketua para ulama sezamannya di kota Madinah al-Munawwarah,

As-Syeikh Muhammad `Ābid As-Sindi pengarang kitab sanad yang berjudul *Ḥaṣr al-Shārid fī Asānīd Muhammad `Ābid.*

Antaranya lagi adalah tokoh unggul di zamannya daripada kalangan ilmuwan yang terhimpun pada dirinya ilmu *ma'qūl* (logika) dan *manqūl* (tekstual) As-Saiyid Muhammad As-Sanūsi رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Beliau mengambil thorīqoh daripada para wali besar Maghribi di zamannya, antara mereka al-`ārif billah Sidi Al-`Arabi Ad-Darqāwi dan As-Saiyid Abul `Abbas Ahmad At-Tijāni رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا. Kemudian apabila tiba di Makkah Al-Musyarrafah beliau berguru kepada Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ dan tunduk sempurna kepadanya, ber-*ṣuhbah* dengannya, melaziminya dan menunjukkan manusia kepadanya. Adalah Saiyid Muhammad As-Sanūsi itu kemasyhuran, kelebihan dan kesempurnaannya menjadikan tidak ada keperluan untuk disifatkan siapa dirinya.

Antara mereka yang mengambil faedah daripada Sidi Ahmad serta memuji-mujinya adalah al-`ārif billah Sidi Muhammad Al-Madani Zhōfir salah seorang tokoh dan pemuka kota Madinah al-Munawwarah رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Bahawa setelah beliau pulang dari Maghribi dengan maqam yang sempurna dan menjadi mursyid yang

mendapat izin daripada hadrat syeikhnya Sidi Al-`Arabi Ad-Darqāwi رَضِيَ اللهُ عَنهُ, beliau bertemu pula dengan Sidi Ahmad Bin Idris di Makkah Al-Musyarrafah, lalu mengambil thorīqoh daripadanya dan memuji-mujinya dengan pujian nan indah.

Antaranya lagi As-Syeikh Muhammad Al-Majdzūb As-Sawākini seorang wali dari Sudan yang masyhur di zamannya dengan *kasyf* (pengelihatan rohani) yang benar, karamah dan perkara-perkara yang mencarik adat. Beliau mengambil thorīqoh daripada Sidi Ahmad dan ber-*ṣuhbah* dengannya dalam tempoh masa yang panjang.

Murid Terakhir dan Pewaris

Tokoh paling akhir yang mengambil thorīqoh, ber-*ṣuhbah* dan melazimi Sidi Ahmad adalah syeikh kami yang sempurna, pewaris rahsia beliau, tempat zahirnya keistimewaan limpahan dan keberkatan beliau, pemilik karamah dan pertolongan Ilahi iaitu penghulu dan sandaranku As-Syeikh Ibrahim Ar-Rasyid رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Sesungguhnya dia telah ber-*ṣuhbah* dengan Sidi Ahmad di Sabya, lalu tidak pernah berpisah dengannya hingga ke akhir hayat beliau.

Sidi Ibrahim terus meraih limpahan keberkatannya sehinggalah Sidi Ahmad wafat dalam keadaan kepalanya yang mulia berada di atas riba muridnya ini. Dan telah zahirlah melalui tangannya berbagai *sirr* makrifat Syeikh, cahaya-cahayanya yang zahir dan batin, berbagai keistimewaan beliau serta berbagai kesempurnaan *ladunni*-nya yang terpancar (melalui Sidi Ibrahim) kepada golongan khas dan umum sebagaimana yang telah kami saksikan sendiri sejak bertahun-tahun lamanya.

وَلَا دَلِيلَ بَعدَ عِيَانِ

"Apabila mata sendiri menyaksikan, dalil pun sudah tak diperlukan".

Berguru Kepada Saiyidina RasuluLLAH ﷺ

Sesungguhnya Sidi Ahmad Bin Idris قُدِّسَ سِرُّهُ النَّفِيس telah diistimewakan oleh ALLAH Taala dengan pelbagai anugerah *Muhammadiyyah*, ilmu-ilmu *ladunniyyah* dan pertemuan-pertemuan yang bersifat *ṣūriyyah kamāliyyah* (keadaan jaga dan sempurna) dengan Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَآلِهِ وَسَلَّم, juga berguru secara langsung dengan Baginda ﷺ sehinggakan Baginda sendiri yang men-*talqin* kepadanya wirid-wirid Thorīqoh As-Syaziliyyah.

Maka jadilah dirinya pelajar Baginda, *Uwaisī* (bagai Saiyidina Uwais Al-Qarni) bagi Baginda serta murid khususnya Baginda ﷺ. Sesungguhnya Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَآلِهِ وَسَلَّم telah mengurniainya wirid-wirid yang agung dan jalan *sulūk* (tarbiah kerohanian) yang khusus. Baginda telah bersabda kepadanya :

> *"Barangsiapa yang menisbahkan dirinya kepadamu, maka tiada aku menyerahkannya kepada wilayah penjagaan selain dari wilayahku, dan tidak aku tanggungkan dia kepada selain dari tanggunganku. Bahkan akulah penjaganya dan akulah penjaminnya".*

Sidi Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata : "Aku telah berhimpun dengan Sidnan Nabi ﷺ dalam suatu pertemuan yang bersifat *ṣūri* dan bersama dengan Baginda ada Saiyidina Khidr عَلَيهِ السَّلَام. Baginda ﷺ lantas menyuruhnya agar men-*talqin* kepadaku zikir-zikir Thorīqoh As-Syaziliyyah, maka Saiyidina Khidr pun men-*talqin*-nya kepadaku di hadapan Baginda.

Kemudian Baginda ﷺ bersabda kepada Saiyidina Khidr عَلَيهِ السَّلَام : "Wahai Khidr, *talqin*-kanlah kepadanya apa yang menghimpunkan seluruh zikir, selawat dan istighfar yang lebih afdhal ganjarannya dan lebih banyak bilangannya".

Maka Saiyidina Khidr bertanya : "Apakah itu duhai RasulALLAH?"

Baginda ﷺ pun bersabda : "Ucapkanlah :

لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ فِي كُلِّ لَمحَةٍ وَنَفَسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلمُ اللهِ

"Tiada Tuhan melainkan ALLAH, Muhammad Rasul ALLAH ; pada setiap detik dan turun-naik nafas sebanyak bilangan yang diliputi ilmu ALLAH".

Maka Saiyidina Khidr membacanya dan aku pun membacanya sesudah mereka berdua dan Baginda ﷺ mengulanginya sebanyak tiga kali. Kemudian Baginda bersabda : "Ucapkanlah :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ بِنُورِ وَجهِ اللهِ العَظِيمِ * الَّذِي مَلَا أَركَانَ عَرشِ اللهِ العَظِيمِ * وَقَامَت بِهِ عَوَالِمُ اللهِ العَظِيمِ * أَن تُصَلِّيَ عَلَى مَولَانَا مُحَمَّدٍ ذِي القَدرِ العَظِيمِ * وَعَلَى آلِ نَبِيِّ اللهِ العَظِيمِ * بِقَدرِ عَظَمَةِ ذَاتِ اللهِ العَظِيمِ * فِي كُلِّ لَمحَةٍ وَنَفَسٍ عَدَد مَا فِي عِلمِ اللهِ العَظِيمِ * صَلَاةً دَائِمَةً بِدَوَامِ اللهِ العَظِيمِ * تَعظِيمًا لِحَقِّكَ يَا مَولَانَا يَا مُحَمَّدُ يَا ذَا الخُلُقِ العَظِيمِ * وَسَلِّمْ عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ مِثلَ ذَلِكَ * وَاجمَع بَينِي وَبَينَهُ كَمَا جَمَعتَ بَينَ الرُّوحِ وَالنَّفسِ * ظَاهِرًا وَبَاطِنًا يَقَظَةً وَمَنَامًا * وَاجعَلهُ يَا رَبِّ رُوحًا لِذَاتِي مِن جَمِيعِ الوُجُوهِ * فِي الدُّنيَا قَبلَ الآخِرَةِ يَا عَظِيمُ *

"ALLAHumma sesungguhnya aku bermohon kepadaMU dengan nūr wajah ALLAH yang agung yang memenuhi tiang-tiang arasy ALLAH yang agung, dan dengannya berdirilah alam-alam (ciptaan) ALLAH yang agung ; aku bermohon dengan itu agar ENGKAU berselawat ke atas junjungan kami Muhammad yang memiliki kedudukan yang agung, dan ke atas keluarga Nabi ALLAH yang agung ; selawat dengan kadar keagungan Zat ALLAH yang agung ; selawat pada setiap kerdipan mata dan turun-naiknya nafas sebanyak apa yang termaktub dalam ilmu ALLAH yang

agung. Selawat yang senantiasa dengan keabadian ALLAH yang agung. Selawat yang mentakzim hak-mu wahai junjungan kami wahai Muhammad, wahai yang memiliki akhlak nan agung.

Dan kurniailah salam kesejahteraan ke atas Baginda serta keluarganya dengan seperti yang demikian itu. Dan himpunkanlah aku dengan Baginda sebagaimana ENGKAU menghimpunkan antara ruh dengan nafas, pada zahir dan batin, dalam keadaan jaga dan tidur. Dan jadikanlah Baginda -wahai Tuhanku- sebagai roh bagi zat-ku dari setiap dimensi di dunia ini lagi sebelum hari Akhirat, wahai Tuhan yang Maha Agung". (Selawat Al-`Azhimiyyah).

Kemudian Baginda bersabda lagi : "Ucapkanlah

أَستَغفِرُ اللهَ العَظِيمَ الَّذِي لَا إِلٰهَ إِلَّا هُوَ الحَيَّ القَيُّومَ ❊ غَفَّارَ الذُّنُوبِ ذَا الجَلَالِ وَالإِكرَامِ ❊ وَأَتُوبُ إِلَيهِ مِن جَمِيعِ المَعَاصِي كُلِّهَا وَالذُّنُوبِ وَالآثَامِ ❊ وَمِن كُلِّ ذَنبٍ أَذنَبتُهُ عَمدًا وَخَطَأً ❊ ظَاهِرًا وَبَاطِنًا ❊ قَولًا وَفِعلًا ❊ فِي جَمِيعِ حَرَكَاتِي وَسَكَاتِي وَخَطَرَاتِي وَأَنفَاسِي كُلِّهَا ❊ دَائِمًا أَبَدًا سَرمَدًا ❊ مِنَ الذَّنبِ الَّذِي أَعلَمُ ❊ وَمِنَ الذَّنبِ الَّذِي لَا أَعلَمُ ❊ عَدَدَ مَا أَحَاطَ بِهِ العِلمُ ❊ وَأَحصَاهُ الكِتَابُ ❊ وَخَطَّهُ القَلَمُ ❊ وَعَدَدَ مَا أَوجَدَتهُ القُدرَةُ ❊ وَخَصَّصَتهُ

الإِرَادَةُ ❊ وَمِدَادَ كَلِمَاتِ اللهِ ❊ كَمَا يَنبَغِي لِجَلَالِ وَجهِ رَبِّنَا وَجَمَالِهِ وَكَمَالِهِ ❊ وَكَمَا يُحِبُّ رَبُّنَا وَيَرضَى ❊

"Aku memohon keampunan ALLAH yang Maha Agung yang tiada Tuhan melainkan DIA yang Maha Hidup lagi Maha Mentadbir segalanya. Dia Maha Pengampun segala dosa, DIA yang mempunyai Kehebatan dan Kemuliaan. Aku bertaubat kepadaNYA dari segala maksiat, dari segala dosa dan kesalahan, dan dari setiap dosa yang telah aku lakukan dengan sengaja dan yang tidak sengaja, pada zahir dan batin, pada perkataan dan perbuatan, pada seluruh gerak geriku, diamku, lintasan fikiranku dan nafasku semuanya.

Aku bermohon keampunan-NYA -sentiasa berkekalan dan abadi- dari dosa yang aku ketahui dan dari dosa yang aku tidak ketahui ; sebanyak bilangan apa yang diliputi oleh ilmu ALLAH, dan yang dihitung oleh kitab, dan yang ditulis oleh qalam, dan sebanyak bilangan apa yang diadakan oleh kekuasaan ALLAH, dan yang ditentukannya oleh kehendak ALLAH, dan dengan sebanyak dakwat kalimat ALLAH, seperti mana yang sayugia bagi sifat Jalal Zat Tuhan kami, dan keindahan-NYA, dan kesempurnaan-NYA, dan sebagaimana yang dikasihi oleh Tuhan kami dan yang DIA redhoi". (Istighfar Al-Kabir).

Lantas aku pun mengucapkan kedua-duanya sesudah Baginda mengucapkannya. Maka aku beroleh cahaya-

cahaya dan kekuatan yang bersifat *Muhammadiyyah*, dan direzekikan bagiku beberapa mata hati yang bersifat *Ilahiyyah*".

Kemudian Baginda ﷺ bersabda :

> *"Wahai Ahmad, sesungguhnya engkau telah diberikan anak-anak kunci segala langit dan bumi. Itulah zikir yang khusus, Selawat Al-`Azhimiyyah dan Istighfār Al-Kabīr. Sekali membacanya menyamai dunia dan Akhirat serta apa yang ada pada kedua-duanya dengan berlipat kali ganda".*

Sidi Ahmad قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ berkata : "Kemudian Saiyidina RasuluLLAH ﷺ sendiri men-*talqin*-kannya kepadaku tanpa sebarang perantara. Maka aku pun men-*talqin*-nya kepada para muridku sebagaimana Baginda ﷺ men-*talqin*-kannya kepadaku".

Pernah Saiyidina RasuluLLAH ﷺ bersabda kepadanya :

لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ فِي
كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلْمُ اللهِ

(Bacaan) ini telah aku simpankan untukmu wahai Ahmad. Amalan ini tidak ada sesiapa yang pernah mendahuluimu padanya. Ajarkanlah ia kepada para temanmu untuk mereka maju mendahului dengannya".

Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata : "Saiyidina RasuluLLAH ﷺ telah menuturkan kepadaku hizib-hizib dari lafaz Baginda". Pernah berlaku ada murid beliau dari kalangan ulama merasa musykil terhadap satu kalimat dari hizib yang kelima, maka beliau pun mengujar kepadanya : "Wahai saudara kami, demikian itulah Saiyidina RasuluLLAH ﷺ telah mengucapkannya kepadaku".

Beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata : "Kami mengambil ilmu dari mulut para *rijāl* sebagaimana kalian juga mengambilnya. Kemudian kami membentangkan ilmu itu kepada ALLAH dan Rasul ; maka apa yang diteguhkan oleh ALLAH dan Rasul kami meneguhkannya, dan apa yang dinafikan oleh ALLAH dan Rasul kami menafikannya. Aku bersumpah demi ALLAH yang Maha Agung, sekarang ini jikalau tidak dikatakan kepadaku : "Katakanlah", nescaya tidaklah aku akan berkata-kata". Dan kadangkala beliau menegaskan lagi perkara ini dengan berkata : "Aduhai

celakanya diriku pada hari dibentangkan amalan di hadapan ALLAH jika aku mengubah atau menukar sesuatu".

Adalah Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ itu teguh pijakannya berserta teliti yang sempurna dalam mengikut Saiyidina RasuluLLAH ﷺ pada perkataan, perbuatan, hal dan petunjuk. Di samping itu pada kebiasaan waktu beliau banyak tenggelam dalam ibadah harian serta solat-solat sunat. Beliau memanjangkan solat subuhnya ; apabila berdiri mengerjakan solat berkucuranlah air matanya dengan lebat, sehingga pada kebiasaannya beliau hampir tak mampu melihat dan menyedari keadaan sekeliling melainkan sekadar yang memungkinkan solat itu dapat diteruskan.

Adalah *nafas* (makna dan bicara) beliau yang tinggi dalam ilmu hakikat tidaklah sembunyi bagi sesiapa yang menilik kepada himpunan hizib-hizibnya yang mulia. Semoga ALLAH memberikan manfaat kepada kita dengannya". Selesailah di sini perkataan Syeikh Ismail An-Nawwab رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى.

Kalung Permata Berharga

Sesudah menukilkan apa yang telah lalu, aku (Al-Quthb Sidna Yusuf An-Nabhāni) berpeluang menelaah suatu kuras yang dikarang oleh khalifah utama beliau Sidi Ibrahim Ar-Rasyid. Karya itu diberinya judul *`Iqd Ad-Durr An-Nafīs* (Kalung Permata Berharga) yang menceritakan sebahagian dari karamah dan biografi syeikhnya Sidi Ahmad bin Idris, dan kitab ini lain dari *`Iqd An-Nafīs* yang besar dan telah dicetak itu.

Maka di sini aku akan menukilkan sebahagian karamah yang terkandung di dalamnya yang belum disebutkan dalam risalah terdahulu karya Syeikh Ismail An-Nawwab. Lalu aku nyatakan bahawa telah berkata Sidi As-Syeikh Ibrahim Ar-Rasyid :

"Diantara karamah Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ ialah pada satu hari hadir dalam majlisnya sekumpulan ulama besar bersama ketua mereka iaitu Tuan Qadhi Hasan Ahmad `Ākish. Mereka mengajukan kepada beliau beberapa persoalan ilmiah lantas dijawab olehnya dengan apa yang tak terlintas pada akal fikiran mereka dari limpahan anugerah Tuhan yang Maha Raja lagi Maha Tinggi.

Setelah itu mereka pulang ke tempat mereka dan berkata : “Bicara Saiyid ini benar-benar perkataan yang kukuh. Akan tetapi kami masih lebih cenderung kepada pandangan al-`allamah fulan dan al-`allamah fulan”. Tuan Qadhi Hasan pun mengujar kepada mereka : “Marilah kami dan kalian sama-sama berdoa kepada ALLAH Taala agar DIA memperlihatkan kita apakah yang benar itu bersama beliau atau bersama para ulama yang kalian sebutkan tadi”. Anjuran Tuan Qadhi diterima baik oleh mereka ; masing-masing pun berdoa kepada ALLAH sebelum tidurnya.

Maka ALLAH telah memperlihatkan kepada seorang alim daripada ulama yang bertanya itu satu mimpi ; dia melihat Saiyidina RasuluLLAH ﷺ lalu bertanya kepada Baginda tentang masalah-masalah yang mereka perselisihkan. Lantas berkatalah dia : “Ya RasulALLAH ﷺ, bolehkah hamba mengikut pendapat si fulan?”, maka Baginda ﷺ bersabda : “Ikutilah dari pendapatnya apa yang bertepatan dengan Kitab ALLAH dan sunnahku”, lalu si alim bertanya lagi nama seorang demi seorang ulama dan untuk setiap peribadi ulama itu Sidnan Nabi ﷺ bersabda : “Ikutilah dari pendapatnya apa yang bertepatan dengan Kitab ALLAH dan sunnahku”.

Kemudian apabila dia bertanya : “Ya RasulALLAH, bolehkah hamba mengikut pendapat Saiyid Ahmad Bin Idris?”, mendengarkan itu Baginda ﷺ bersabda : “Eh! Eh!” -seolah-olah dalam nada kehairanan- “SubhanALLAH, apakah anakku Ahmad mempunyai pendapat peribadinya sendiri?! Sesungguhnya dia hanyalah berbicara dengan sunnahku dan menyampaikan dengan lisanku”.

Pada subuh hari tersedarlah si alim dari tidurnya dalam keadaan gembira dan penuh sukacita. Dia mengkhabarkan mimpinya itu kepada sahabat-sahabatnya. Mereka semua datang menemui Sidi Ahmad dan menceritakan mimpi tersebut kepadanya. Maka kata beliau : “Segala puji bagi ALLAH yang telah menzahirkan kepada kalian akan hakikat”.

Kasyaf Yang Benar

As-Syeikh Ibrahim Ar-Rasyid menceritakan : "Tatkala beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ tiba di Zabid dan menetap di sana selama beberapa waktu, para pembesar ulama seperti As-Saiyid Abd. Rahman Bin Sulaiman Al-Ahdal mufti kota Zabid dan lain-lain bersegera mendatangi beliau. Mereka pun mula berulang-alik ke majlisnya pagi dan petang serta mendengarkan daripadanya berbagai perkara yang luar biasa dari ilmu *ladunni* yang tak pernah terlintas dalam fikiran mereka.

Mereka mengemukakan pelbagai persoalan yang sukar, lalu beliau menjawabnya dengan intan permata ilmu yang membuat dada merasa lapang. Apabila menyaksikan yang demikian itu, mereka berpakat bahawa setiap seorang dari mereka akan menulis soalan-soalan yang dianggap rumit daripada permasalahan tafsir dan hadis ; tiap seorang akan menulisnya di lembaran yang berbeza. Mereka berkata : "Wahai Sidi Abd. Rahman, mohon tuan-lah yang akan mengajukan soalan-soalan ini dan kami pula akan mendengar. Jika beliau mampu menjawabnya, maka kita akan tunduk kepada beliau".

Maka hadirlah mereka di hadapan Al-Ustādz As-Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Beliau memandang mereka lalu berkata kepada Saiyid Abd. Rahman melalui jalan kasyaf : "Keluarkanlah soalan-soalan yang ada padamu itu. Lihatlah, soalan pertama dari tuan fulan", lalu beliau memberi jawaban dan huraian yang mengagumkan akal. Kemudian beliau berkata : "Soalan kedua dari tuan fulan, dan isinya begian begian …" lalu beliau menghuraikannya dengan jawaban yang tak pernah terlintas dalam benak mereka. Beliau menentukan pula soalan ketiga serta pemiliknya dan menghuraikannya dengan jawaban yang memukau akal.

Demikianlah seterusnya hingga tamat segala soalan itu. Para hadirin dibuat kagum dengan benarnya kasyaf beliau, seolah-olah beliau bersama mereka saat mereka menulisnya, kagum dengan keluasan ilmu dan keupayaannya menjawab setiap persoalan dengan lancar dan tanpa susah-payah. Mereka pun tunduk dan mengakui kelebihan beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Sejak itu mereka selalu datang kepada beliau selepas isyak dan bertanya tafsir ayat-ayat Al-Quran.

Antara yang mereka tanyakan ialah tafsir firman ALLAH Taala :

﴿إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ...﴾

"Sesungguhnya lelaki-lelaki Muslim dan perempuan-perempuan Muslimat..." - Surah Al-Ahzab : 35

Maka duduklah beliau mensyarahkan tafsir ayat ini selama sebelas hari ; satu majlis pengajian pada waktu pagi dan satu lagi pada waktu Isyak. Pada setiap majlis beliau mendatangkan berbagai keajaiban dan perkara-perkara yang menakjubkan, yang belum pernah didengar sebelumnya. Kemudian beliau berpaling kepada mereka seraya berkata : "Sekiranya ALLAH memanjangkan umur kami, dan kami terus berbicara tentang tafsir ayat ini sehingga Hari Kiamat, dan pada setiap majlis ada sesuatu yang baru, nescaya kami akan melakukannya". Maka mereka membenarkan kata-kata beliau dan menulis apa yang beliau sampaikan.

Melepaskan Orang Kena Zalim

As-Syeikh Ibrahim Ar-Rasyid رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata : "Antara kisah yang beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ ceritakan kepada kami ialah dua peristiwa yang berlaku masa awal hidupnya di bumi Maghribi. Beliau berkata :

"Pada satu hari aku sedang berjalan di pasar bersama beberapa orang sahabatku, lalu melintaslah sekumpulan polis menggiring seorang lelaki yang diikat dengan sangat ketat sehingga mustahil baginya meloloskan diri". Syeikh berkata kepada sebahagian sahabatnya itu : "Menurut kalian adakah orang seperti ini punya jalan keluar dari genggaman mereka?" Mereka menjawab : "Tidak". Maka kata beliau : "Perhatikanlah bagaimana kuasa ALLAH bertindak dan adat kebiasaan tercarik".

Syeikh berpaling kepada polis-polis itu lantas berkata : "Tenanglah kalian", maka lucutlah segala rantai dan belenggu daripada lelaki itu, kumpulan polis pun berpecah meninggalkannya dan si lelaki pergi berlalu ; dia sebenarnya terkena zalim.

Berurusan Dengan Raja

Adapun peristiwa yang kedua ; beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ pergi berjalan menuju gerbang kota Fes. Di situ ada pegawai polis dan pemungut cukai sedang sibuk mengambil hasil daripada orang-orang fakir yang masuk ke kota. Yang diambil oleh para pegawai tersebut adalah buah-buahan kebun yang gugur dan dibawa pulang untuk keluarga orang-orang fakir dan mereka yang dhoif.

Maka berkeluh kesahlah fakir miskin itu dan mereka berkata : "Jikalau ada orang yang sanggup menolong dan membela kita ini". Tatkala Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ melihat apa yang menimpa mereka, beliau bangun demi menegakkan yang hak kerana ALLAH Taala lalu berkata : "Datangkan kepadaku seorang lelaki yang pemberani antara kalian, yang sanggup menyampaikan pesan kepada raja sama seperti yang akan aku katakan, lalu membawa kembali apa jawapan baginda".

Maka berdirilah seorang lelaki daripada mereka seraya berkata : "Hamba-lah yang akan menyampaikannya kepada raja". Syeikh pun berkata kepadanya : "Sampaikan kepada raja : Ada seseorang yang berpesan kepada tuanku -dan jangan kau sebut

namaku- bahawa cukai yang tuanku kenakan ke atas golongan lemah daripada kaum Muslimin hendaklah tuanku batalkan. Membatalkannya adalah kebaikan bagi tuanku. Jika tidak, maka tuanku akan melihat sendiri akibatnya".

Si pemberani pun pergi mengadap raja dan menyampaikan pesanan Syeikh. Baginda raja menundukkan kepalanya seketika, kemudian mengangkatnya dan bertitah : "Siapakah dia yang mengutusmu?", jawab lelaki itu : "Dia menyuruh patik agar tidak memberitahu namanya". Maka raja bertitah : "Sampaikanlah bahawa beta telah memenuhi permintaannya dan menghilangkan beban dari urusan rakyat jelata sebagaimana yang disuruh olehnya. Namun beta juga punya satu hajat kepadanya.

Iaitu kabilah si fulan telah derhaka melawan kami ; berkali-kali sudah kami utus pasukan tentera namun masih gagal menundukkan mereka. Banyak kerosakan telah timbul gara-gara kabilah ini dan hal mereka takkan baik melainkan dengan kembali tunduk mentaati kami".

Maka Syeikh mengirim jawaban melalui lelaki tersebut dengan berkata : "Sampaikan perkataanku kepada raja : "Sesungguhnya telah kami tunaikan hajat

tuanku itu". Tak lama kemudian, para pembesar dan cerdik pandai kabilah tadi telah datang mengadap dan memohon perdamaian kepada raja ; mereka pun kembali tunduk mentaati baginda.

Dari Berkat Sidi Ahmad Bin Idris

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid menceritakan : "Adalah aku dahulu menetap di negeri kami -yakni Sudan- menuntut ilmu kepada ayahandaku Tuan Qadhi Soleh Ar-Rasyid. Maka datang seorang saudara tuaku menceritakan satu mimpi yang dilihatnya kepada ayahanda. Saudara tuaku sebelumnya punya seorang isteri yang kemudian meninggal dunia pada hari-hari itu. Maka dia mengkhabarkan :

"Anakanda melihatnya dalam mimpi lalu bertanya kepadanya : "Apa yang ALLAH lakukan kepadamu sesudah engkau datang menghadap-NYA?". Dia menjawab : "ALLAH سُبحَانَهُ وَتَعَالَى menghimpunkan kami dan sekalian yang meninggal dunia di hadapan-NYA, dan DIA berfirman kepada kami : "Kalian telah hidup di zaman abdi-KU Ahmad bin Idris ; maka KAMI telah memaafkan kamu semua kerananya".

Inilah yang aku dengar sendiri daripada saudara tuaku saat dia menceritakannya dalam majlis pengajian di hadrat ayahanda kami, sedangkan ketika itu kami masih berada di Sudan dan Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ berada di bumi Yaman. Di masa itu kami masih

belum mengambil thorīqoh daripadanya serta belum pernah melihat dirinya ; kami hanya pernah mendengar namanya dan kemasyhurannya telah sampai kepada kami.

Kemudian dari itu ALLAH telah menghimpunkan kami dengannya. Kami pun mengambil thorīqoh daripadanya dan duduk berguru kepadanya. Maka aku mengkhabarkan kepada beliau kisah wanita tersebut seraya bertanya : "Adakah perkara ini benar?", maka beliau menjawab : "Ya".

Menolong Murid-muridnya

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid bercerita lagi : “Ada kalangan ikhwān kami dari kaum Kurdi mengkhabarkan kepadaku peristiwa yang berlaku dalam satu pengembaraannya. Dia berkata :

“Pada satu hari sedang aku berada di padang pasir terbentang dan dataran yang sunyi, dahaga yang amat sangat menimpaku dan panas terik cuaca membuat diriku hampir binasa. Lantas aku pergi ke sebatang pokok yang berhampiran jalan, aku sediakan tempat berbaring di bawahnya lalu berkata : “Inilah nampaknya kuburku”.

Kemudian teringatlah aku bahawa Tuan Syeikh Sidi Ahmad bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنه pernah berkata kepada kami : “Sesungguhnya muridku itu jika dia memanggilku sekalipun dia di barat dan aku di timur, atau sekalipun aku berada di Jabal Qāf, nescaya aku akan menyahutnya. Dan jika dia seorang murid *ṣōdiq* (yang tulus jujur) dia akan mendengar jawaban dan sahutanku *labbaik*”.

Maka aku pun berseru : “Wahai Sidi Ahmad, selamatkanlah hamba. Sesungguhnya hamba berada

dalam hal yang tuan lihat ini ; hampir binasalah hamba kerana dahaga dan kelaparan". Ketika itu aku sedang terlentang dan hujung kainku menutupi wajahku. Tiba-tiba aku mendengar bunyi sesuatu diletakkan pada pokok tersebut. Aku pun menyingkap kain dari wajahku lantas melihat antara dahan ranting pokok ada sesuatu yang menyerupai semangka dan di atasnya dua keping roti yang besar.

Aku berkata dalam diriku : "Ini khayalan semata-mata. Siapakah yang akan membawa dua keping roti dan semangka ke tempat seperti ini?!". Aku kembali menutup wajahku dengan kain dan percayalah aku bahawa mati akan datang menjemput. Aku terus berada dalam keragu-raguan apakah yang ku lihat tadi khayalan atau sebenar. Maka aku menyingkap semula kain daripada wajahku, aku tenung lagi lalu ternyata benar itu semangka dan dua keping roti.

Maku bangunlah aku mendapatkannya. Ternyata dua keping roti itu seolah-olah baru sahaja dikeluarkan daripada ketuhar dan semangka pula amat lazat. Aku pun makan sehingga kenyang dan hilang dahagaku dengan air semangka itu. Kemudian aku meneruskan perjalanan hingga sampai ke kawasan yang berpenghuni. Semua itu berlaku dengan keberkatan Al-Ustādz As-Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ".

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid berkata : “Saudara Kurdi ini juga menceritakan kepadaku bahawa dia pernah bermusafir dalam satu kumpulan. Tatkala mereka berhenti di padang belantara tiba-tiba muncul seekor singa. Mereka mendudukkan saudara Kurdi di arah yang bertentangan dengan sang singa sementara mereka berada di belakangnya dan kemudian tidur. Sang singa datang kepada saudara Kurdi ; apabila ia menghidunya ia segera lari ketakutan bagai diburu dan kembali ke dalam hutannya.

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid berkata : “Dan antara karamah beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ ialah bahawa seorang daripada muridnya yang berasal dari Maghribi mempunyai seorang isteri yang buruk akhlak. Pada satu hari lelaki itu memukul isterinya dengan pukulan yang kuat sehingga menyebabkan kematiannya. Si lelaki merasa amat takut kalau pihak berkuasa mengetahuinya, lantas pada malam hari dia datang mengetuk pintu Al-Ustādz As-Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ dan menceritakan perkara tersebut.

Syeikh bangun mengikutnya hingga sampai kepada jasad wanita itu lalu mendapatinya telah meninggal dunia. Maka beliau berkata kepada si suami : “Kami akan ber-*tawajjuh* memohon kepada ALLAH Taala agar bencana ini disingkapkan. Engkau

rahsiakanlah apa yang akan kau lihat nanti". Syeikh kemudian meletakkan tongkatnya ke atas wanita itu, maka ALLAH Taala menghidupkannya kembali dan dia terus hidup selepas itu selama tempoh yang dikehendaki ALLAH Taala.

Sepucuk Surat Dalam Mimpi

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid berkata : "Dan antara karamah beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ ialah bahawa beliau pernah menyuruh seorang ikhwān pergi ke Şoied bersama satu rombongan dan beliau melantiknya mengetuai mereka sesuai dengan tuntutan sunnah. Maka mendaratlah mereka (melalui jalan laut) di Jeddah, lalu sukarlah keadaan mereka kerana kekurangan bekalan dan perbelanjaan. Pada malam itu ketua rombongan melihat Sidi Ahmad dalam mimpinya ; beliau menghulurkan sepucuk surat seraya berkata : "Ambil-lah ini dan bermusafirlah engkau dengan keberkatan ALLAH Taala", dia pun memasukkan surat tersebut ke dalam sakunya. Apabila pagi menjelma, ketua rombongan teringat akan mimpinya lalu menceritakan kepada para sahabatnya, dia kemudian menyeluk sakunya dan mendapati surat itu benar-benar ada.

Dia pun mengeluarkannya lalu mendapati tertulis padanya :

رَبِّ يَسِّر وَلَا تُعَسِّر رَبِّ تَمِّم بِالخَيرِ يَا كَرِيم

"Wahai Tuhanku, permudahkanlah dan janganlah ENGKAU membuatnya sukar. Wahai Tuhanku,

sempurnakan-lah ia dengan kebaikan, wahai yang Maha Pemurah".

Maka gembiralah para ikhwān dengan hal itu dan ALLAH pun melegakan mereka, lalu jadi mudah-lah segala urusan dengan sebaik-baiknya dan mereka meneruskan perjalanan dengan keberkatan ALLAH Taala.

Memanggil Kawanan Burung

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid berkata : "Dan antara karamah beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ juga ialah bahawa ada seorang muridnya pada satu hari sedang duduk di Madinah bersama beberapa ikhwān yang mencintai beliau, dan si murid ini رَضِيَ اللهُ عَنهُ seorang yang *`ārif billah*. Dia memandang ke langit lalu melihat kawanan burung pipit. Maka berkatalah dia kepada ikhwān yang hadir : "Sekiranya aku memanggil burung-burung ini dengan nama Tuan Syeikh Sidi Ahmad, pastilah ia akan menyahut". Dengan serta-merta semua kawanan burung itu gugur berjatuhan di hadapan para hadirin ; sebahagiannya mati dan sebahagiannya terbang kembali.

Tabib Rohani dan Jasmani

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid Berkata : “Dan antara karamah Sidi Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُ ialah satu peristiwa yang berlaku sebelum kami sampai kepada beliau dan saat itu kami masih berada di kota Makkah. Kami datang untuk menunaikan haji, sedangkan beliau berada di Yaman.

Usai menunaikan haji aku ditimpa penyakit yang sangat berat hingga ke tahap aku tak mampu bangun walau untuk membuang air. Maka takutlah aku sekiranya mati datang dalam keadaanku yang demikian.

Aku pun merayu-rayu dengan merendahkan diri kepada ALLAH Taala agar dikurniakan seorang syeikh yang *kāmil* (sempurna) yang dapat mengenalkan aku kepada ALLAH Taala dengan makrifat yang khusus, dan kepada Saiyidina RasuluLLAH ﷺ agar aku meninggal dunia di atas makrifat yang sempurna. Maka aku bertawassul dengan Sidi Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Sebaik sahaja aku memejamkan mataku untuk tidur, aku melihat beliau datang kepadaku dalam halku yang terbaring di atas katil. Beliau berdiri di sisiku seraya berkata : “Ubatmu ialah engkau

meletakkan di antara kulit dan dagingmu air Zamzam". Maka aku berkata : "Wahai tuanku, hamba sedang sedang sakit ; harap tuan-lah yang melakukannya untuk hamba".

Beliau berpaling dan tiba-tiba di sisiku telah hadir sebuah geriba (bekas air dari kulit) berisi air Zamzam di atas belakang seorang pembawa air. Tatkala Sidi Ahmad sampai kepadaku, beliau membelah kulitku lalu meletakkan mulut geriba pada bahagian bawah perutku. Maka terdengarlah bunyi gemuruh di dalam tubuhku seperti bunyi air di dalam bekas-bekas tembikar sehingga air itu seakan-akan memenuhi seluruh diriku dan berkucuranlah dari tubuhku peluh yang sangat banyak hingga mengalir ke bawah katil.

Maka terjagalah aku dari tidur dan mendapati diriku bertenaga untuk bangun dan berjalan dengan kedua kakiku ke mana sahaja yang aku kehendaki. Jadi sembuhlah aku dengan keberkatan Al-Ustādz As-Syeikh. Kemudian beberapa hari sesudah itu, aku sekali lagi ditimpa penyakit yang berat. Aku bertawassul kepada Tuan Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ lalu aku melihat beliau dalam mimpiku berada di sebuah khemah yang besar di tempat yang tinggi dalam keadaan seorang diri. Aku pun memberi salam kepada beliau dan beliau berkata : "Duduklah".

Aku duduk di hadapannya lalu beliau berkata : "Engkau takut akan kematian?".

Aku menjawab : "Ya".

Beliau pun mengambil sehelai kertas dan menulis dua baris padanya ; baris yang pertama : Engkau tidak akan meninggal dunia sehingga umurmu mencapai delapan puluh tahun", dan pada baris kedua : Engkau tidak akan meninggal dunia sehingga engkau menjadi kalangan tokoh antara para *`ārifīn billahi taala*.

Beliau kemudian menyerahkan kertas itu kepadaku lalu berkata : "Bacalah". Maka aku pun membacanya dan memuji-muji ALLAH Taala atas yang demikian itu. Kemudian teringatlah aku bahawa diriku masih belum melihat Sidnan Nabi ﷺ lalu aku ajukan perkara itu kepada beliau. Maka beliau berkata : "Duduklah, kami akan memperlihatkan Baginda kepadamu". Maka aku melihat pada tangan beliau ada sesuatu yang digunakan untuk memintal benang tenunan dan aku pula berubah menjadi seumpama benang ; aku tidak lagi melihat diriku melainkan sebagai gulungan benang. Lalu keluarlah daripadaku seurat benang dan beliau memasukkannya ke dalam alat tersebut.

Kemudian beliau memintal satu bahagian daripadaku, lalu muncul seorang insan ; ternyata itu adalah Saiyidina Ali Bin Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ. Kemudian beliau memintal lagi, lalu muncul insan kedua ; ternyata itu Saiyidina Uthman Bin Affan رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Kemudian beliau memintal lagi maka muncul insan ketiga ; ternyata itu Saiyidina Umar Ibn Al-Khattab رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Kemudian beliau memintal lagi, lalu muncul insan keempat ; ternyata itu Saiyidina Abu Bakr As-Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Maka aku ketika itu menjadi amat lemah seperti bayi yang masih menyusu. Kemudian beliau memintal lagi bahagian dari diriku lalu zahirlah kepadaku Sidnan Nabi ﷺ. Lantas aku pun terjaga daripada tidur dalam keadaan gembira dan penuh sukacita dengan mimpi tersebut.

Setelah selesai musim haji pergilah kami menuju ke Yaman lalu dipertemukan dengan Al-Ustādz As-Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ di kota Sabya yang diberkati, di negeri Yaman pada awal tahun 1248 Hijrah. Pada malam pertama ketibaan kami, ketika kami masih dilayan sebagai tetamu, sebaik sahaja mataku terpejam dicurahkan ke atasku lautan cahaya yang amat besar sehingga ia mengkaramkan aku dan menguasai diriku. Aku tidak mampu keluar daripadanya sehingga hampirlah aku akan binasa kerana terlalu kuat

himpunan cahaya yang melimpahi diriku. Aku pun terjaga dari tidur dalam keadaan seluruh tubuhku menggigil.

Pada hari kedua kami pun mengambil thorīqoh daripada beliau. Maka aku mengetahui bahawa syeikh ini dirinya amat agung. Setelah kami mengambil thorīqoh daripadanya dan menisbahkan diri kepadanya, beliau berkata kepada kami : "Jalanku ini tiada alam yang membatasinya. Seorang murid akan terus meningkat sehingga sampai kepada tujuan tertingginya, iaitu tiada lagi sasaran sesudah sampai kepada ALLAH.

﴿وَأَنَّ إِلَى رَبِّكَ الْمُنتَهَى﴾

"Dan sesungguhnya kepada Tuhanmu-lah segala kesudahan".

Bahkan kakimu takkan berhenti melainkan di sisi-NYA dan pada hadrat-NYA".

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid berkata : "Dan Alhamdulillah, kami telah memperoleh daripada beliau limpahan *madad* (pertolongan rohani) yang segala ucapan pun lemah dari dapat

menggambarkannya. Itulah dia bahagian dari makna sabda Baginda عَلَيهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ dalam hadis Qudsi :

أَعدَدتُ لِعِبَادِيَ الصَّالِحِينَ مَا لَا عَينٌ رَأَت وَلَا أُذُنٌ سَمِعَت وَلَا خَطَرَ عَلَى قَلبِ بِشَرٍ

"AKU telah menyediakan bagi para hamba-KU yang soleh apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak pernah terlintas dalam hati manusia".

Maka apabila Tuhan yang Maha Pemurah menyambutmu dengan limpah kurnia-NYA, tiada siapa yang dapat menolak ketetapan-NYA, dan

﴿رَبُّكَ فَعَّالٌ لِمَا يُرِيدُ﴾

"Tuhanmu sangat (Maha Berkuasa) melakukan apa sahaja kehendak-NYA".

Penamatnya Adalah Kun Fayakun

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid berkata : “Dan antara karamah beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ ialah bahawa pada satu hari aku sedang membaca Ahzāb At-Tajalliyat, lalu datang kepadaku *nafahāt* kemurahan Ilahi dan *tajalli Al-Ma'būd* yang membawa kepada karamnya diriku dalam kelelahan total, lenyap dan fana yang murni. Keadaan itu hingga memaksa aku kepada hilangnya kesedaran dan daya memahami.

Setelah berlalu suatu tempoh masa, kekuatan dan kesedaran terhadap segala yang wujud kembali datang kepadaku. Namun setiap anggota tubuhku, bahkan setiap inci diriku merasa kesakitan yang amat dahsyat akibat *tajalli* Al-Jalāl hingga diriku pada setiap saat menunggu bilakah akan dicabut nyawaku di akhir malam dan bersambung ke malam kedua.

Maka terlintas dalam fikiranku untuk mengkhabarkan Al-Ustādz As-Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ mengenai halku dan keadaan diriku yang hampir binasa ini. Aku pun meminta kepada seorang daripada ikhwān agar menyampaikan kepada beliau : "Sesungguhnya akan binasalah hamba jika tuan tidak menyelamatkan dengan suatu pandangan yang

mengeluarkan hamba daripada *Jalāl* kepada *Jamāl*, dan daripada fana kepada *baqā*'". Maka beliau mengirim pesan bersama utusan itu : "Tuan Syeikh berkata kepadamu : "*Kāna*" (telah kabul permintaanmu)". Maka utusan itu sampai kepadaku, sedangkan aku tidak mampu bangun. Dan sebaik sahaja dia berkata : "Tuan Syeikh berkata kepadamu : "*Kāna*", seketika itu juga seluruh kesakitan hilang daripadaku dan aku serta merta dapat bangun. Keadaanku berubah total menjadi seolah-olah tak pernah ditimpa apa-apa penyakit pun.

Maka aku memuji-muji ALLAH Taala, dan tahulah aku bahawa Syeikh benar-benar berlaku pada dirinya apa yang disebut oleh para solihin :

أَوَّلُ الطَّرِيقِ جُنُونٌ وَأَوسَطُهُ فُنُونٌ وَآخِرُهُ كُن فَيَكُونُ

"Awal jalan thorīqoh itu gila ; pertengahannya aneka kurnia ; dan penamatnya Kun Fayakun".

Martabat Syeikh Kamil

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid berkata : “Dan antara karamah beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ bahawa seorang lelaki telah membeli daging lalu meletakkannya di dalam kainnya. Kemudian waktu solat pun tiba, maka si lelaki singgah menunaikan solat bersama Syeikh.

Usai solat, dia pulang bersama daging ke rumahnya. Daging dimasukkan ke dalam periuk untuk dimasak dan api dinyalakan, namun daging tidak terkesan langsung oleh api. Dia menambah nyala api dan daging itu tetap juga seperti sedia kalanya. Dia kemudian mengkhabarkan perkara itu kepada Tuan Syeikh, maka beliau berkata : “Kami telah diberi khabar gembira bahawa sesiapa yang solat bersama kami ; api tidak akan menyentuhnya”.

Dan diantara karamah beliau juga bahawa tapak pijakan pelana baghal beliau pernah patah. Maka beliau menyuruh khadamnya membawa tapak itu kepada tukang besi untuk diperbaiki. Untuk mencanainya tukang besi memasukkan tapak itu ke dalam api berkali-kali, namun api tidak memberi sebarang kesan keatasnya.

Si khadam kembali kepada Tuan Syeikh dan mengkhabarkan perkara tersebut. Maka beliau berkata : "Aku hanyalah seorang hamba daripada sekalian hamba ALLAH. ALLAH telah memuliakan aku dengan satu anugerah ; sesiapa yang berjiran denganku, api tidak akan membakarnya. Maka bagaimana pula dengan orang yang berjiran dengan-NYA di negeri-NYA yang aman ini (Makkah)".

Saat Syeikh sedang membicarakan perkara ini seorang lelaki yang sebelumnya tidak percaya bahawa "berjiran" itu memberi manfaat. Maka dengan peristiwa ini menjadi yakinlah dia bahawa berjiran itu punya kelebihan dan fadhilat memelihara hak-hak jiran.

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid menceritakan lagi : "Dan antara karamah beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ bahawa seorang daripada muridnya meninggal dunia di Makkah - semoga ALLAH menambah kemuliaan kota ini- lalu dikebumikan di Ma'la. Seorang ahli kasyaf berpandangan tembus dari kalangan ikhwān berada di sisinya saat pengkebumian berlangsung, maka melihatlah dia Saiyidina Izrail عَلَيهِ السَّلَامُ datang membawa hamparan daripada syurga dan pelita-pelita yang besar. Kubur itu diluaskan sejauh mata memandang, lalu dihamparkan segala kelengkapan itu

buat si mati. Maka yang melihat itu berkata di dalam hatinya : "Duhai alangkah baiknya jika apabila aku meninggal dunia nanti, Tuhanku mengurniai aku kemuliaan seperti ini". Maka Saiyidina Izrail عَلَيهِ السَّلَامُ berpaling kepadanya lalu berkata : "Setiap seorang daripada kalian akan memperoleh kemuliaan seperti ini, dengan berkat Selawat Al-`Azhimiyyah yang dinisbahkan kepada Al-Ustādz Sidi Ahmad bin Idris", iaitu :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ بِنُورِ وَجهِ اللهِ العَظِيم ❊ الَّذِي مَلَأَ أَركَانَ عَرشِ اللهِ العَظِيم ❊ وَقَامَت بِهِ عَوَالِمُ اللهِ العَظِيم ❊ أَن تُصَلِّيَ عَلَى مَولَانَا مُحَمَّدٍ ذِي القَدرِ العَظِيم ❊ وَعَلَى آلِ نَبِيِّ اللهِ العَظِيم ❊ بِقَدرِ عَظَمَةِ ذَاتِ اللهِ العَظِيم ❊ فِي كُلِّ لَمحَةٍ وَنَفَسٍ عَدَد مَا فِي عِلمِ اللهِ العَظِيم ❊ صَلَاةً دَائِمَةً بِدَوَامِ اللهِ العَظِيم ❊ تَعظِيمًا لِحَقِّكَ يَا مَولَانَا يَا مُحَمَّدُ ❊ يَا ذَا الخُلُقِ العَظِيم ❊ وَسَلِّم عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ مِثلَ ذَلِك ❊ وَاجمَع بَينِي وَبَينَهُ كَمَا جَمَعتَ بَينَ الرُّوحِ وَالنَّفس ❊ ظَاهِرًا وَبَاطِنًا ❊ يَقَظَةً وَمَنَامًا ❊ وَاجعَلهُ يَا رَبِّ رُوحًا لِذَاتِي مِن جَمِيعِ الوُجُوه ❊ فِي الدُّنيَا قَبلَ الآخِرَةِ يَا عَظِيم» ❊

"ALLAHumma sesungguhnya aku bermohon kepadaMU dengan nūr wajah ALLAH yang agung yang memenuhi tiang-tiang arasy ALLAH yang agung, dan dengannya berdirilah alam-alam (ciptaan) ALLAH yang agung ; aku bermohon dengan itu agar ENGKAU berselawat ke atas

junjungan kami Muhammad yang memiliki kedudukan yang agung, dan ke atas keluarga Nabi ALLAH yang agung ; selawat dengan kadar keagungan Zat ALLAH yang agung ; selawat pada setiap kerdipan mata dan turun-naiknya nafas sebanyak apa yang termaktub dalam ilmu ALLAH yang agung. Selawat yang senantiasa dengan keabadian ALLAH yang agung. Selawat yang mentakzim hak-mu wahai junjungan kami wahai Muhammad, wahai yang memiliki akhlak nan agung.

Dan kurniailah salam kesejahteraan ke atas Baginda serta keluarganya dengan seperti yang demikian itu. Dan himpunkanlah aku dengan Baginda sebagaimana ENGKAU menghimpunkan antara ruh dengan nafas, pada zahir dan batin, dalam keadaan jaga dan tidur. Dan jadikanlah Baginda -wahai Tuhanku- sebagai roh bagi zat-ku dari setiap dimensi di dunia ini lagi sebelum hari Akhirat, wahai Tuhan yang Maha Agung".

Sosok Peribadi

Sidi Ibrahim Ar-Rasyid berkata : "Adapun sifat rupa Sidi Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُ itu, maka beliau adalah seorang yang tinggi tubuhnya, putih kulitnya dengan sedikit kemerahan, badannya kurus, luas kedua matanya, bujur wajahnya, melengkung kedua keningnya, dan pada rambutnya terdapat uban".

Saiyidina As-Syeikh Ahmad Bin Idris رَضِيَ اللهُ عَنهُ wafat pada tahun 1253 Hijrah dan dikebumikan di kota Sabya di bumi Yaman. Makamnya di sana kekal diberkati lagi penuh keberkatan dan semoga rahmat Tuhanku sentiasa menaunginya hingga ke hari manusia dibangkitkan.

سُبحَانَ رَبِّكَ رَبِّ العِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ❊ وَسَلَامٌ عَلَى المُرسَلِينَ ❊ وَالحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِينَ ❊